pertanian individu adalah daerah Ulu Langat (1.1 juta kg), daerah Batang Padang (863,585.9 kg) dan daerah Lipis (789,152.1 kg). Manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan pula, daerah

pentadbiran yang mencatatkan bilangan pengeluaran tertinggi adalah daerah Kinta (862,000.0 kg), daerah Kuala Kangsar (185,526.9 kg) dan daerah Ulu Langat (71,151.0 kg).

Carta 1: Kuantiti Pengeluaran dan Kuantiti Jualan bagi Pegangan Pertanian Individu Aktiviti Perhutanan mengikut Negeri, Malaysia, 2023



Paparan 4: Kuantiti Pengeluaran dan Kuantiti Jualan bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan Aktiviti Perhutanan mengikut Negeri, Malaysia, 2023



3.3.2 Pembalakan

Bagi pegangan pertanian individu, aktiviti pembalakan yang merangkumi aktiviti pengumpulan sisa-sisa kayu balak seperti seperti kayu getah, kayu bakau dan lain-lain jenis kayu yang digunakan dalam pembuatan kraftangan telah mencatatkan pengeluaran sebanyak 18.3 ribu meter padu, di mana 92.9 peratus adalah dijual. Bagi pegangan pertanian pertubuhan pula merekodkan jumlah pengeluaran sebanyak 6,549.2 ribu meter padu. Kuantiti jualan pula merekodkan 5,964.7 meter padu dengan nilai hasil jualan sebanyak RM3.76 billion

Negeri

Bagi pegangan pertanian individu, Sarawak merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi iaitu 14,980 meter padu, Manakala kuantiti jualan pula adalah sebanyak 13,737 meter padu. Diikuti Pahang mencatatkan kuantiti pengeluaran dan kuantiti jualan yang sama iaitu 860 meter padu.

Bagi pegangan pertanian pertubuhan pula, Sarawak merekodkan jumlah pengeluaran tertinggi iaitu sebanyak 1.75 juta meter padu. Selain itu, Perak pula merekodkan jumlah pengeluaran sebanyak 1.31 juta meter padu, diikuti Pahang (953,370 m³). Dari sudut kuantiti jualan pula, Sarawak


merekodkan jumlah tertinggi iaitu 1.73 juta meter padu, diikuti Pahang (953,370 m³) dan Sabah (803,713 m³).

Daerah Pentadbiran


Daerah pentadbiran bagi pegangan pertanian individu yang merekodkan jumlah kuantiti pengeluaran tertinggi adalah daerah Lundu (5,448 m³), daerah Tanjung Manis (5,293 m³) dan daerah Daro (2,190 m³). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula adalah daerah Larut dan Matang iaitu 1.1 juta meter padu, diikuti daerah Kapit (935,674 m³) dan Kuala Krai (527,224 m³).



Carta 2: Kuantiti Pengeluaran dan Kuantiti Jualan bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan Aktiviti Pembalakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023



Paparan 5: Kuantiti Pengeluaran dan Kuantiti Jualan bagi Pegangan Pertanian Individu Aktiviti Pembalakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023



3.4 NILAI JUALAN

3.4.1 Perhutanan

Pegangan pertanian individu bagi hasil hutan bukan kayu merekodkan nilai jualan sebanyak RM43.97 juta pada tahun 2023. Manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan pula, pada tahun 2023 mencatatkan nilai jualan RM23.44 juta.


Negeri

Pahang mencatatkan nilai jualan tertinggi iaitu RM14.59 juta bagi pegangan pertanian individu. Diikuti oleh Perak (RM13.97 juta), Selangor (RM6.54 juta). Bagi pegangan pertanian pertubuhan pula Perak merupakan penyumbang utama dengan sumbangan 42.2 peratus (RM9.89 juta). Seterusnya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merekodkan jualan sebanyak RM4.49 juta, manakala Sabah mencatatkan jualan RM0.71 juta.


Daerah Pentadbiran

Daerah pentadbiran yang merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah daerah Lipis (RM11.63 juta), daerah Batang Padang (RM8.42 juta) dan daerah Ulu Langat (RM4.72 juta). Manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan pula adalah daerah Jempol (RM6.9 juta), daerah Kuala Kangsar (RM4.98 juta) dan daerah Kinta (RM4.9 juta).

Carta 3: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu bagi Aktiviti Perhutanan mengikut Negeri, Malaysia, 2023



Paparan 6: Sumbangan Nilai Jualan Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Aktiviti Perhutanan mengikut Negeri, Malaysia, 2023



3.4.2 Pembalakan

Nilai jualan direkodkan bagi pegangan pertanian individu bagi aktiviti pembalakan adalah RM2.3 juta. Manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan pula berjumlah RM3.76 bilion.


Negeri

Sarawak merekodkan nilai jualan tertinggi bagi aktiviti ini iaitu RM1.2 juta bagi pegangan pertanian individu. Diikuti dengan Sabah mencatatkan nilai jualan RM0.6 juta dan Pahang (RM0.3 juta). Selain itu, Bagi pegangan pertanian pertubuhan pula didominasi oleh Sarawak yang menyumbang 40.3 peratus bersamaan RM1.52 bilion. Sabah berada di kedudukan kedua dengan nilai jualan sebanyak RM0.75 bilion, manakala Pahang mencatatkan RM0.54 bilion.


Daerah Pentadbiran

Daerah pentadbiran yang merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah daerah Tatau (RM0.70 juta), daerah Kota Belud (RM0.46 juta) dan daerah Selangau (RM0.27 juta). Manakala, pegangan pertanian pertubuhan pula adalah daerah Kapit (RM790.04 juta), daerah Tawau (RM415.00 juta) dan daerah Miri (RM239.57 juta).

Carta 4: Nilai Jualan Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Aktiviti Pembalakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023



Paparan 7: Sumbangan Nilai Jualan Pegangan Pertanian Individu bagi Aktiviti Pembalakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023




3.5 HASIL UTAMA AKTIVITI PERHUTANAN & PEMBALAKAN

Paparan 8: Nilai Jualan Enam Teratas bagi Jenis Hasil Hutan Bukan Kayu, Malaysia, 2023


3.5.1 Pegangan Pertanian Individu

Aktiviti pengeluaran hasil hutan bukan kayu oleh pegangan pertanian individu menunjukkan bahawa petai merupakan komoditi dengan nilai jualan tertinggi, iaitu sebanyak RM10.21 juta. Ini diikuti oleh buluh dan rotan yang masing-masing mencatatkan nilai jualan sebanyak RM8.70 juta dan RM7.13 juta. Komoditi lain seperti durian dan daun pisang turut menyumbang kepada nilai jualan, dengan jumlah masing-masing sebanyak RM2.77 juta dan RM1.83 juta.



Pahang, Perak dan Selangor dikenal pasti sebagai penyumbang utama kepada nilai jualan aktiviti hasil hutan bukan kayu, dengan sumbangan kumulatif sebanyak 79.8 peratus daripada keseluruhan nilai jualan.

Paparan 9: Nilai Jualan Tertinggi Tiga Negeri Penyumbang Utama Jenis Hasil Hutan Bukan Kayu, Malaysia, 2023



Nota: Merujuk kepada individu yang menjalankan aktiviti kutipan hasil hutan bukan kayu (antaranya seperti madu, daun pisang, buluh) dan sisa/serpihan pembalakan (seperti kayu getah, kayu bakau dan lain-lain jenis kayu) dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

3.5.2 Pegangan Pertanian Pertubuhan

Dalam aktiviti perhutanan, jenis hasil hutan bukan kayu yang mencatatkan nilai jualan tertinggi oleh pertubuhan adalah sarang burung, dengan jumlah RM12.09 juta, diikuti oleh buluh sebanyak RM5.05 juta. Rotan menduduki kedudukan ketiga dengan nilai jualan RM4.97 juta. Secara keseluruhan, ketiga-tiga jenis hasil hutan ini menyumbang 94.3 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai jualan aktiviti perhutanan. Manakala madu merekodkan nilai jualan sebanyak RM 0.7 juta


3.6 JENIS KAYU UTAMA BAGI AKTIVITI PEMBALAKAN

Kayu balak dikenal pasti sebagai komoditi utama yang menyumbang nilai jualan tertinggi, iaitu sebanyak RM3.70 bilion. Ini diikuti oleh kayu getah dengan nilai jualan berjumlah RM37.49 juta, serta kayu bakau/ jaras/ arang-arang yang mencatatkan nilai jualan sebanyak RM24.89 juta. Dari segi sumbangan mengikut negeri, Sarawak merupakan pengeluar utama kayu balak dengan nilai jualan sebanyak RM1.52 bilion, manakala Kedah mendominasi pengeluaran kayu getah dengan nilai jualan iaitu RM16.37 juta. Perak pula sebagai pengeluar terbesar bagi kayu jenis bakau/ jaras/ arang-arang, dengan nilai jualan RM17.47 juta.

Paparan 10: Nilai Jualan Tertinggi Aktiviti Hasil Hutan Bukan Kayu bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan, Malaysia, 2023



Paparan 11: Nilai Jualan Tertinggi Aktiviti Pembalakan, Malaysia, 2023



Nota: Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/ jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

3.7 JUMLAH PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

(RM5.02 juta) dan daerah Kuala Kangsar (RM4.98 juta).

3.7.1 Pendapatan

Perhutanan

Aktiviti hasil hutan bukan kayu merekodkan jumlah pendapatan pada tahun 2023 adalah sebanyak RM68.97 juta. Selain itu, pegangan pertanian pertubuhan pula merekodkan RM24.31 juta.


Negeri

Negeri Pahang merekodkan jumlah pendapatan tertinggi iaitu RM14.62 juta bagi pegangan pertanian individu, diikuti Perak (RM14.02juta) dan Sabah (RM3.89 juta). Manakala Perak merupakan negeri yang mencatatkan jumlah pendapatan tertinggi iaitu RM10.0 bagi pegangan pertanian pertubuhan. Diikuti Wilayah Persekutuan Putrajaya (RM5.2 juta) dan Sabah sebanyak RM0.71 juta.


Daerah Pentadbiran

Daerah pentadbiran yang merekodkan pendapatan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah daerah Lipis (RM11.63 juta), daerah Batang Padang (RM8.43 juta) dan daerah Ulu Langat (RM4.7 juta). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula adalah daerah Jempol (RM6.87 juta), daerah Kinta

Carta 5: Jumlah Pendapatan Pegangan Pertanian Individu bagi Aktiviti Perhutanan mengikut Negeri, Malaysia, 2023



Paparan 12: Sumbangan Jumlah Pendapatan Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Aktiviti Perhutanan mengikut Negeri, Malaysia, 2023



Pembalakan

Bagi aktiviti pembalakan pula, pegangan pertanian individu merekodkan jumlah pendapatan sebanyak RM2.50 juta manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan RM5.35 billion.


Negeri

Negeri yang mencatatkan jumlah pendapatan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Sarawak (RM1.26 juta), diikuti Sabah (RM0.68 juta) dan Pahang (RM0.28 juta). Bagi pegangan pertanian pertubuhan pula negeri yang mempunyai jumlah pendapatan tertinggi adalah Sarawak (RM2.88 bilion), diikuti Sabah (RM0.80 bilion) dan Pahang (RM0.63 bilion).


Daerah Pentadbiran

Daerah pentadbiran yang merekodkan pendapatan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah daerah Tatau (RM0.70 juta), daerah Kota Belud (RM0.58 juta) dan daerah Selangau (RM0.27 juta). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula adalah daerah daerah Kapit (RM1.30 bilion), daerah Sibul (RM8.63 juta) dan daerah Tawau (RM4.31 juta).

Carta 6: Jumlah Pendapatan Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Aktiviti Pembalakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023



Paparan 13: Sumbangan Jumlah Pendapatan Pegangan Pertanian Individu bagi Aktiviti Pembalakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023



3.7.2 Perbelanjaan

Perhutanan

Aktiviti hasil hutan bukan kayu merekodkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM18.32 juta pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu mencatatkan pendapatan sebanyak RM4.81 juta. Selain itu, pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah pendapatan sebanyak RM13.51 juta bagi aktiviti yang sama.

Negeri


Bagi pegangan pertanian individu, Perak merekodkan jumlah perbelanjaan tertinggi iaitu RM1.44 juta, diikuti oleh Pahang (RM1.19 juta) dan Sabah (RM1.15 juta). Manakala, pegangan pertanian pertubuhan negeri Perak juga mendominasi iaitu sebanyak RM5.82 juta. Diikuti Negeri Sembilan (RM3.40 juta) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (RM3.05 juta).

Daerah Pentadbiran


Daerah pentadbiran yang merekodkan perbelanjaan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah daerah Batang Padang (RM0.82 juta), daerah Lipis (RM0.81 juta) dan daerah Kunak (RM0.79 juta). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula adalah daerah Jempol

(RM3.40 juta), daerah Kinta (RM2.93 juta) dan daerah Kuala Kangsar (RM2.88 juta).

Carta 7: Jumlah Perbelanjaan Pegangan Pertanian Individu bagi Aktiviti Perhutanan mengikut Negeri, Malaysia, 2023



Paparan 14: Sumbangan Jumlah Perbelanjaan Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Aktiviti Perhutanan mengikut Negeri, Malaysia, 2023



Pembalakan

Bagi aktiviti pembalakan pula, pegangan pertanian individu merekodkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM0.36 juta manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan RM2.55 billion.


Negeri

Sarawak merekodkan jumlah perbelanjaan tertinggi bagi pegangan pertanian individu iaitu RM0.26 juta. Diikuti negeri Sabah (RM42,662) dan Pahang (RM30,743). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula, Sarawak merupakan negeri yang merekodkan jumlah tertinggi bagi perbelanjaan iaitu RM1.42 bilion, diikuti oleh Sabah (RM0.38 bilion) dan Pahang (RM0.26 bilion).


Daerah Pentadbiran

Daerah pentadbiran yang merekodkan perbelanjaan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah daerah Tatau (RM0.17 juta), daerah Kota Belud (RM42,398) dan daerah Selangau (RM31,397). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula adalah daerah Kapit (RM0.57 bilion), daerah Sibul (RM0.49 bilion) dan daerah Tawau (RM0.21 bilion).

Carta 8: Jumlah Perbelanjaan Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Aktiviti Pembalakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023



Paparan 15: Sumbangan Jumlah Perbelanjaan Pegangan Pertanian Individu bagi Aktiviti Pembalakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023





RENCANA

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

PRESTASI DAN SUMBANGAN HASIL KAYU SERTA PENGURUSAN HUTAN NEGARA

Disediakan oleh:

Mazreha binti Ya'akub, Nor Azlyn Ezura binti Hasmin

Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran


Pengenalan

Sektor perhutanan memainkan peranan penting dalam struktur ekonomi Malaysia sebagai sumber boleh diperbaharui yang menyokong pertumbuhan industri hiliran negara. Kewujudan kawasan hutan tropika yang luas dan kaya dengan biodiversiti menjadikan Malaysia antara pengeluar kayu utama di Asia Tenggara, khususnya bagi kayu tropika bernilai tinggi. Sumber hutan ini bukan sahaja menyumbang kepada pengeluaran bahan mentah, malah berfungsi sebagai asas kepada rantaian nilai yang melibatkan aktiviti pembalakan, pemprosesan kayu dan pembuatan produk berasaskan kayu, sekali gus menjana pendapatan, peluang pekerjaan serta hasil eksport kepada negara.



Dalam konteks pengeluaran, hutan asli Malaysia membekalkan pelbagai spesies kayu yang bernilai komersial seperti Meranti (*Shorea*), Keruing (*Dipterocarpus*) dan Merbau (*Intsia*) yang menjadi input utama kepada industri papan, papan lapis, veneer dan perabot. Pada masa yang sama, pembangunan ladang hutan semakin diberi penekanan sebagai sumber bahan mentah yang lebih mampan, dengan spesies seperti Akasia (*Acacia*), Eucalyptus (*Eucalyptus*) dan Kayu Getah (*Hevea brasiliensis*) digunakan secara meluas bagi memenuhi keperluan industri hiliran [1]. Gabungan sumber hutan asli dan ladang hutan ini memperkukuh rantaian bekalan kayu negara, mengurangkan tekanan terhadap hutan semula jadi, serta menyokong

pembangunan industri perikanan yang berdaya saing, bernilai tambah dan berorientasikan eksport.



Prestasi Ekonomi Subsektor Perhutanan dan Pembalakan

Dari sudut ekonomi, subsektor perhutanan dan pembalakan mencatatkan prestasi yang tidak konsisten antara tahun 2016 hingga 2024, dengan tren penurunan yang berterusan sejak 2016 namun mencatatkan pertumbuhan pada 2021 (2.0%) dan 2022 (0.6%) [2]. Pola ini menggambarkan sensitiviti subsektor perhutanan dan pembalakan terhadap had penebangan, keadaan pasaran, dasar kelestarian serta faktor iklim, sekali gus menekankan keperluan kepada strategi pengurusan hutan yang lebih stabil dan berdaya tahan. Penurunan ini turut dipengaruhi oleh permintaan domestik dan antarabangsa yang perlahan serta keadaan cuaca yang tidak baik. Syarat ketat yang dikenakan oleh kerajaan bagi memenuhi komitmen terhadap pemuliharaan hutan juga memainkan peranan sekali gus menyumbang kepada penguncupan berterusan dalam aktiviti pengeluaran [3].


KDNK mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Semasa - Perubahan Peratusan Tahunan

2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024
-1.9	-15.9	-3.9	-8.6	-19.5	2.0	0.6	-8.7	-5.4

Prestasi eksport sektor perhutanan dan pembalakan Malaysia menunjukkan kedudukan yang kukuh dalam ekonomi negara dan pasaran global, disokong oleh khazanah hutan tropika purba yang menjadi asas kepada industri perikanan. Dengan rangkaian eksport ke lebih 160 negara dan purata nilai tahunan sekitar RM21 bilion, sektor ini terus menyumbang secara signifikan melalui sumbangan 1.40% kepada KDNK, 12.28% kepada eksport agrokomoditi, dan 1.51% kepada jumlah eksport negara pada tahun 2024 [4]. Meskipun tren turun-naik

pertumbuhan sektor pembalakan Malaysia, namun pertumbuhan eksport Malaysia membuktikan permintaan global yang kuat terhadap kayu tropika dan produk olahannya.

Nilai Eksport Malaysia Ke 10 Negara Pengeksport Utama Pada Tahun 2024 (USD Bilion)




Sumber : Malaysian Timber Industry Board (MTIB)

Input Output Sektor Perhutanan dan Pembalakan

Berdasarkan analisis sumbangan output subsektor Perhutanan dan Pembalakan kepada Input Sektor Pertanian sepanjang tahun 1991 hingga 2021, subsektor perhutanan dan pembalakan merekodkan nilai output tertinggi pada tahun 2010 iaitu sebanyak RM22.3 bilion bersamaan 17.6 peratus daripada keseluruhan output sektor pertanian. Walau bagaimanapun selepas sedekad, prestasi subsektor ini menurun kepada RM8.8 bilion, (4.4 peratus daripada keseluruhan output sektor Pertanian).


Nilai dan Sumbangan Output Subsektor Perhutanan dan Pembalakan Kepada Output Sektor Pertanian, 1991 – 2021



Sumber: Jadual Input-Output, DOSM


Dari sudut penggunaan input, subsektor ini mencatatkan peningkatan jumlah input sebanyak RM1.9 bilion pada tahun 2021, berbanding RM0.6 bilion pada tahun 1991, yang mencerminkan kadar pertumbuhan purata tahunan 3.7 peratus sepanjang tempoh tiga dekad. Namun begitu, sumbangan penggunaan input subsektor ini kepada keseluruhan sektor Pertanian menurun daripada 11.8 peratus pada tahun 1991 kepada 5.5 peratus pada tahun 2021 [5].

Nilai dan Sumbangan Input Subsektor Perhutanan dan Pembalakan kepada Input Sektor Pertanian, 1991 – 2021



Dari sudut penggunaan input, subsektor ini menggunakan RM1.9 bilion input pada tahun 2021, meningkat ketara berbanding RM0.6 bilion pada tahun 1991, dengan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 3.7 peratus sepanjang tiga dekad. Walau bagaimanapun, sumbangan penggunaan input subsektor ini kepada keseluruhan sektor Pertanian menurun kepada 5.5 peratus pada tahun 2021, menunjukkan bahawa walaupun skala aktiviti meningkat dari segi nilai mutlak, peranannya dalam sektor pertanian secara keseluruhan menjadi lebih kecil, seiring dengan penstrukturan semula sektor dan peralihan kepada aktiviti bernilai tambah yang lebih mampan [5].

Sumbangan Nilai Ditambah kepada Output Subsektor Perhutanan dan Pembalakan, 1991 – 2021



Sumber: Jadual Input-Output, DOSM

Nota: Input Utama Lain adalah Import dan Cukai Bersih ke atas Produk

Nisbah nilai ditambah subsektor perhutanan dan pembalakan menurun daripada 85.9 peratus pada 1991 kepada 75.2 peratus pada 2021, ini berkemungkinan dipengaruhi oleh perubahan struktur kos dan penggunaan teknologi Baharu [5]. Selain itu, peralihan permintaan industri Pembinaan dan Pembuatan kepada bahan alternatif seperti besi, keluli dan konkrit yang didorong oleh peningkatan kos kayu serta keterbatasan sumber menunjukkan pengecilan peranan relatif subsektor ini dalam rantai nilai, walaupun ia kekal relevan sebagai pembekal input kepada sektor ekonomi lain.

Pencapaian ini mencerminkan peranan subsektor yang masih relevan dalam struktur sektor pertanian, walaupun sumbangannya adalah lebih kecil berbanding dekad terdahulu.

Penurunan sumbangan relatif ini selari dengan perubahan dasar kerajaan yang menekankan pengurusan hutan secara lestari serta kawalan aktiviti pembalakan bagi memastikan pemuliharaan sumber semula jadi dalam jangka panjang.

URUS TADBIR HUTAN

Di bawah Perkara 74 (2) Perlembagaan Persekutuan, hutan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh itu, setiap negeri mempunyai kuasa dan hak untuk menggubal undang-undang dan menguruskan dasar perhutanan di negeri masing-masing. Kuasa eksekutif Kerajaan Persekutuan adalah terhad kepada memberi nasihat, bantuan teknikal, latihan, penyelidikan dan pembangunan dalam sektor perhutanan kepada negerinegeri.



Anak Pokok Merbau
Sumber: JPSM

Dengan perkembangan ini, penekanan terhadap pengurusan hutan perlu dijadikan asas pembangunan ekonomi negara, selaras dengan prinsip yang digariskan dalam Dasar Perhutanan Malaysia, bagi memastikan sumber hutan diurus secara produktif tanpa menjejaskan kelestarian jangka panjang. Pelaksanaan Rancangan Pengurusan Hutan (RPH) perlu dirujuk dan dijadikan alat kawal selia bagi pelaksanaan aktiviti pembalakan dan infrastruktur hutan agar semua spesies kayu terutamanya yang bernilai tinggi dituai secara terkawal dan lestari [6], ini termasuk pematuhan kepada Had Tebangan Tahunan (*Annual Allowable Cut, AAC*) yang bertujuan mengawal jumlah kuantiti kayu yang boleh dituai setiap tahun. Dalam masa yang sama, Malaysia juga melaksanakan *Selective Management System (SMS)* yang mengawal pengeluaran pokok melalui penetapan had diameter minima 55 sentimeter bagi spesies bukan dipterokarpa dan 65 sentimeter bagi spesies dipterokarpa [7], ini bagi memastikan semua spesies kayu khususnya spesies bernilai tinggi dituai secara terpilih, terkawal dan lestari, sekali gus mengekalkan struktur hutan dan produktiviti jangka panjang.

Sebagai penyumbang utama kepada kawasan litupan hutan negara, dengan kira-kira 42 peratus daripada jumlah 18.05 juta hektar hutan di Malaysia, Sarawak memainkan peranan penting dalam subsektor perhutanan dan pembalakan dalam menyokong ekonomi negeri dan negara. Sebagai badan yang bertanggungjawab Jabatan Hutan Sarawak komited melaksanakan Pengurusan Hutan Secara Mampan (SFM) sejak awal 1990-an bagi memastikan pengeluaran hasil hutan dilakukan secara terkawal tanpa menjejaskan nilai ekologi, produktiviti masa hadapan dan kesejahteraan sosial. Usaha ini dilaksanakan melalui pewujudan *Forest Management Plan* (FMP) sebagai dokumen perundangan wajib bagi setiap *Forest Management Unit*, pelaksanaan *Reduced Impact Logging* (RIL) bagi meminimumkan kesan pembalakan, serta penguatkuasaan *Forest Management Certification* (FMC) secara mandatori ke atas semua lesen pembalakan jangka panjang. Di samping itu, rangka kerja perundingan pelbagai pihak berkepentingan dan mekanisme penyelesaian konflik bersama komuniti tempatan turut diperkukuh, ini bagi memastikan pengurusan hutan Sarawak kekal mampan, berdaya tahan dan seimbang dari segi ekonomi, alam sekitar dan sosial [8].

Secara kesimpulannya, sektor perhutanan Malaysia kekal sebagai komponen penting yang menyokong pertumbuhan ekonomi negara melalui peranannya sebagai sumber boleh diperbaharui, pemangkin industri hiliran dan penyumbang penting kepada eksport walaupun berdepan tekanan. Gabungan hutan asli yang kaya dengan spesies kayu tropika bernilai tinggi serta pembangunan ladang hutan memastikan kesinambungan bekalan bahan mentah secara lebih mampan, sejajar dengan pelaksanaan Dasar Perhutanan Malaysia dan prinsip pengurusan hutan mampan. Walaupun subsektor perhutanan dan pembalakan menunjukkan pertumbuhan yang menurun namun prestasi eksport kekal kukuh dan ini mencerminkan daya saing Malaysia dalam pasaran antarabangsa. Dengan demikian, kelestarian dan prestasi ekonomi sektor perhutanan perlu diseimbangkan melalui pengurusan sumber yang berkesan, pemeraksanaan industri hiliran bernilai tambah serta peluasan pasaran eksport berasaskan pensijilan amat penting bagi memastikan sumbangan sektor ini kepada KDNK dan perdagangan negara kekal berdaya tahan dalam jangka panjang .

Penafian:

Pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM atau Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

Rujukan

- [1] Timber Trade Portal. (2020). *Overview of timber sector of Malaysia*. ATIBT & Form International. <https://www.timbertradeportal.com/en/malaysia/79/timber-sector>
- [2] Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025). *Keluaran Dalam Negeri Kasar Tahunan, 2015–2024*. Jabatan Perangkaan Malaysia ([Malaysia's Annual Gross Domestic Product, 2015–2024](#))
- [3] Sarawak Tribune (2024, 19 November), Big drop in Malaysia’s timber harvesting volume. Dicapai daripada [Big Drop In Malaysia’s Timber Harvesting Volume | Sarawak Tribune](#)
- [4] Malaysian Timber Council. (n.d.). *About the Malaysian Timber Industry*. Malaysian Timber Council. <https://mtc.com.my/about-the-malaysian-timber-industry>
- [5] Department of Statistics Malaysia. (2024). *Menelusuri rantai pertanian Malaysia dari hulu ke hilir: Kesan penganda terhadap ekonomi*. Putrajaya: Department of Statistics Malaysia.
- [6] Kementerian Tenaga dan Sumber Asli. (2021). *Dasar Perhutanan Malaysia*. Putrajaya: Government of Malaysia. <https://www.nres.gov.my/ms-my/pustakamedia/Penerbitan/Dasar%20Perhutanan%20Malaysia.pdf>
- [7] Natural Resources and Environment Ministry. (2016, 16 June). *Jawapan Parlimen: Pengurusan hutan dan pembalakan dalam Hutan Simpanan Kekal*. Parlimen Malaysia. <https://www.nres.gov.my/parlimen/Lists/papar-Jawapan-Parlimen.aspx?ID=1336>
- [8] Forest Department Sarawak. (n.d.). Sustainable forest management. Jabatan Hutan Sarawak. https://forestry.sarawak.gov.my/web/subpage/webpage_view/595?utm_source



JADUAL

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Jadual 1.0: Pegangan Pertanian bagi Perhutanan & Pembalakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023
Table 1.0: Agricultural Holdings for Forestry & Logging by State, Malaysia, 2023

Negeri State	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agricultural Holdings	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Malaysia	7,930	93.7	534	6.3	8,464	100.0
Johor	2	4.9	39	95.1	41	100.0
Kedah	59	37.3	99	62.7	158	100.0
Kelantan	202	92.7	16	7.3	218	100.0
Melaka	1	50.0	1	50.0	2	100.0
Negeri Sembilan	89	80.9	21	19.1	110	100.0
Pahang	1,072	95.5	50	4.5	1,122	100.0
Pulau Pinang	2	100.0	-	-	2	100.0
Perak	5,389	97.8	123	2.2	5,512	100.0
Perlis	5	50.0	5	50.0	10	100.0
Selangor	450	99.8	1	0.2	451	100.0
Terengganu	173	88.7	22	11.3	195	100.0
Sabah	124	76.5	38	23.5	162	100.0
Sarawak	362	75.9	115	24.1	477	100.0
W.P. Kuala Lumpur	-	-	4	100.0	4	100.0
W.P. Labuan	-	-	-	-	-	-
W.P. Putrajaya	-	-	-	-	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian
2. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
3. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.
4. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

Notes:

1. States indicate the locations of agricultural holder's living quarters
2. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.
3. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.
4. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Perhutanan & Pembalakan mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023

Table 1.1: Agricultural Holdings for Forestry & Logging by Administrative District, Malaysia, 2023

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agricultural Holdings</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Malaysia	7,930	93.7	534	6.3	8,464	100.0
Johor	2	4.9	39	95.1	41	100.0
Batu Pahat	-	-	-	-	-	-
Johor Bahru	-	-	1	100.0	1	100.0
Kluang	-	-	4	100.0	4	100.0
Kota Tinggi	-	-	5	100.0	5	100.0
Mersing	-	-	-	-	-	-
Muar	-	-	5	100.0	5	100.0
Pontian	-	-	-	-	-	-
Segamat	2	9.5	19	90.5	21	100.0
Kulai	-	-	-	-	-	-
Tangkak	-	-	5	100.0	5	100.0
Kedah	59	37.3	99	62.7	158	100.0
Baling	20	83.3	4	16.7	24	100.0
Bandar Baharu	-	-	2	100.0	2	100.0
Kota Setar	-	-	16	100.0	16	100.0
Kuala Muda	22	36.7	38	63.3	60	100.0
Kubang Pasu	4	28.6	10	71.4	14	100.0
Kulim	-	-	5	100.0	5	100.0
Langkawi	1	100.0	-	-	1	100.0
Padang Terap	1	14.3	6	85.7	7	100.0
Sik	8	57.1	6	42.9	14	100.0
Yan	-	-	-	-	-	-
Pendang	1	25.0	3	75.0	4	100.0
Pokok Sena	2	18.2	9	81.8	11	100.0
Kelantan	202	92.7	16	7.3	218	100.0
Bachok	7	100.0	-	-	7	100.0
Kota Bharu	-	-	2	100.0	2	100.0
Machang	-	-	-	-	-	-
Pasir Mas	-	-	-	-	-	-
Pasir Puteh	3	100.0	-	-	3	100.0
Tanah Merah	-	-	2	100.0	2	100.0
Tumpat	2	100.0	-	-	2	100.0
Gua Musang	89	93.7	6	6.3	95	100.0
Kuala Krai	1	14.3	6	85.7	7	100.0
Jeli	28	100.0	-	-	28	100.0
Kecil Lojing	72	100.0	-	-	72	100.0

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Perhutanan & Pembalakan mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 1.1: Agricultural Holdings for Forestry & Logging by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd)

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agricultural Holdings</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Melaka	1	50.0	1	50.0	2	100.0
Alor Gajah	1	100.0	-	-	1	100.0
Jasin	-	-	-	-	-	-
Melaka Tengah	-	-	1	100.0	1	100.0
Negeri Sembilan	89	80.9	21	19.1	110	100.0
Jelebu	15	100.0	-	-	15	100.0
Kuala Pilah	12	92.3	1	7.7	13	100.0
Port Dickson	-	-	1	100.0	1	100.0
Rembau	6	100.0	-	-	6	100.0
Seremban	55	80.9	13	19.1	68	100.0
Tampin	-	-	3	100.0	3	100.0
Jempol	1	25.0	3	75.0	4	100.0
Pahang	1,072	95.5	50	4.5	1,122	100.0
Bentong	153	97.5	4	2.5	157	100.0
Cameron Highlands	-	-	-	-	-	-
Jerantut	107	88.4	14	11.6	121	100.0
Kuantan	-	-	10	100.0	10	100.0
Lipis	650	99.7	2	0.3	652	100.0
Pekan	68	98.6	1	1.4	69	100.0
Raub	25	96.2	1	3.8	26	100.0
Temerloh	13	68.4	6	31.6	19	100.0
Rompin	28	80.0	7	20.0	35	100.0
Maran	26	86.7	4	13.3	30	100.0
Bera	2	66.7	1	33.3	3	100.0
Pulau Pinang	2	100.0	-	-	2	100.0
Seberang Perai Tengah	-	-	-	-	-	-
Seberang Perai Utara	1	100.0	-	-	1	100.0
Seberang Perai Selatan	-	-	-	-	-	-
Timur Laut	-	-	-	-	-	-
Barat Daya	1	100.0	-	-	1	100.0
Perak	5,389	97.8	123	2.2	5,512	100.0
Batang Padang	3,973	99.9	2	0.1	3,975	100.0
Manjung	1	11.1	8	88.9	9	100.0
Kinta	86	71.7	34	28.3	120	100.0
Kerian	-	-	3	100.0	3	100.0
Kuala Kangsar	21	58.3	15	41.7	36	100.0
Larut Dan Matang	3	5.2	55	94.8	58	100.0

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Perhutanan & Pembalakan mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 1.1: Agricultural Holdings for Forestry & Logging by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd)

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agricultural Holdings</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Hilir Perak	1	100.0	-	-	1	100.0
Hulu Perak	211	99.1	2	0.9	213	100.0
Perak Tengah	1	100.0	-	-	1	100.0
Kampar	173	100.0	-	-	173	100.0
Muallim	919	100.0	-	-	919	100.0
Bagan Datuk	-	-	-	-	-	-
Selama	-	-	4	100.0	4	100.0
Perlis	5	50.0	5	50.0	10	100.0
Selangor	450	99.8	1	0.2	451	100.0
Gombak	3	100.0	-	-	3	100.0
Klang	-	-	-	-	-	-
Kuala Langat	-	-	-	-	-	-
Kuala Selangor	1	100.0	-	-	1	100.0
Petaling	-	-	-	-	-	-
Sabak Bernam	-	-	-	-	-	-
Sepang	1	100.0	-	-	1	100.0
Ulu Langat	378	99.7	1	0.3	379	100.0
Ulu Selangor	67	100.0	-	-	67	100.0
Terengganu	173	88.7	22	11.3	195	100.0
Besut	2	66.7	1	33.3	3	100.0
Dungun	-	-	5	100.0	5	100.0
Kemaman	10	90.9	1	9.1	11	100.0
Kuala Terengganu	1	50.0	1	50.0	2	100.0
Marang	5	83.3	1	16.7	6	100.0
Hulu Terengganu	141	94.0	9	6.0	150	100.0
Setiu	12	92.3	1	7.7	13	100.0
Kuala Nerus	2	40.0	3	60.0	5	100.0
Sabah	124	76.5	38	23.5	162	100.0
Tawau	1	7.7	12	92.3	13	100.0
Lahad Datu	2	100.0	-	-	2	100.0
Semporna	-	-	-	-	-	-
Sandakan	2	18.2	9	81.8	11	100.0
Kinabatangan	-	-	-	-	-	-
Beluran	3	100.0	-	-	3	100.0
Kota Kinabalu	-	-	7	100.0	7	100.0
Ranau	3	100.0	-	-	3	100.0
Kota Belud	11	100.0	-	-	11	100.0
Tuaran	3	100.0	-	-	3	100.0
Penampang	-	-	1	100.0	1	100.0
Papar	1	100.0	-	-	1	100.0

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Perhutanan & Pembalakan mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 1.1: Agricultural Holdings for Forestry & Logging by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd)

Daerah Pentadbiran Administrative District	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agricultural Holdings	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Kudat	-	-	1	100.0	1	100.0
Kota Marudu	31	96.9	1	3.1	32	100.0
Pitas	5	100.0	-	-	5	100.0
Beaufort	19	100.0	-	-	19	100.0
Kuala Penyu	4	100.0	-	-	4	100.0
Sipitang	5	62.5	3	37.5	8	100.0
Tenom	1	100.0	-	-	1	100.0
Nabawan	-	-	-	-	-	-
Keningau	-	-	4	100.0	4	100.0
Tambunan	-	-	-	-	-	-
Kunak	12	100.0	-	-	12	100.0
Tongod	3	100.0	-	-	3	100.0
Putatan	-	-	-	-	-	-
Telupid	-	-	-	-	-	-
Kalabakan	-	-	-	-	-	-
Membakut	18	100.0	-	-	18	100.0
Sarawak	362	75.9	115	24.1	477	100.0
Kuching	16	94.1	1	5.9	17	100.0
Bau	1	100.0	-	-	1	100.0
Lundu	12	100.0	-	-	12	100.0
Samarahan	18	100.0	-	-	18	100.0
Serian	-	-	-	-	-	-
Simunjan	-	-	-	-	-	-
Sri Aman	-	-	1	100.0	1	100.0
Lubok Antu	2	100.0	-	-	2	100.0
Betong	6	100.0	-	-	6	100.0
Saratok	1	100.0	-	-	1	100.0
Sarikei	1	25.0	3	75.0	4	100.0
Maradong	1	100.0	-	-	1	100.0
Daro	3	100.0	-	-	3	100.0
Julau	-	-	-	-	-	-
Sibu	90	62.9	53	37.1	143	100.0
Dalat	-	-	-	-	-	-
Mukah	2	100.0	-	-	2	100.0
Kanowit	52	100.0	-	-	52	100.0
Bintulu	2	14.3	12	85.7	14	100.0
Tatau	28	100.0	-	-	28	100.0
Kapit	2	6.7	28	93.3	30	100.0
Song	12	100.0	-	-	12	100.0
Belaga	19	100.0	-	-	19	100.0
Miri	6	37.5	10	62.5	16	100.0
Marudi	-	-	-	-	-	-
Limbang	33	84.6	6	15.4	39	100.0

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Perhutanan & Pembalakan mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 1.1: Agricultural Holdings for Forestry & Logging by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd)

Daerah Pentadbiran Administrative District	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agricultural Holdings	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Lawas	8	100.0	-	-	8	100.0
Matu	-	-	-	-	-	-
Asajaya	-	-	-	-	-	-
Pakan	4	100.0	-	-	4	100.0
Selangau	26	100.0	-	-	26	100.0
Tebedu	1	100.0	-	-	1	100.0
Pusa	-	-	-	-	-	-
Kabong	-	-	-	-	-	-
Tanjung Manis	9	100.0	-	-	9	100.0
Sebauh	2	100.0	-	-	2	100.0
Bukit Mabong	1	100.0	-	-	1	100.0
Subis	1	100.0	-	-	1	100.0
Beluru	-	-	1	100.0	1	100.0
Telang Usan	1	100.0	-	-	1	100.0
Gedong	-	-	-	-	-	-
Sebuyau	-	-	-	-	-	-
Siburan	-	-	-	-	-	-
Pantu	2	100.0	-	-	2	100.0
Lingga	-	-	-	-	-	-
W.P. Kuala Lumpur	-	-	4	100.0	4	100.0
W.P. Labuan	-	-	-	-	-	-
W.P. Putrajaya	-	-	-	-	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri dan daerah pentadbiran merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian
2. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
3. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.
4. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

Notes:

1. States and administrative districts indicate the locations of agricultural holder's living quarters
2. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.
3. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.
4. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 1.2: Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Perhutanan & Pembalakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023
Table 1.2: Establishment Agricultural Holdings for Forestry & Logging by State, Malaysia, 2023

Negeri State	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Malaysia	534	100.0
Johor	39	7.3
Kedah	99	18.5
Kelantan	16	3.0
Melaka	1	0.2
Negeri Sembilan	21	3.9
Pahang	50	9.4
Pulau Pinang	-	-
Perak	123	23.0
Perlis	5	0.9
Selangor	1	0.2
Terengganu	22	4.1
Sabah	38	7.1
Sarawak	115	21.5
W.P. Kuala Lumpur	4	0.7
W.P. Labuan	-	-
W.P. Putrajaya	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian
2. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
3. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.
4. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

Notes:

1. State refer to the location of agriculture holder's living quarters
2. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.
3. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.
4. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 1.3: Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Perhutanan & Pembalakan mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023*Table 1.3: Establishment Agricultural Holdings for Forestry & Logging by Administrative District, Malaysia, 2023*

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Malaysia	534	100.0
Johor	39	7.3
Batu Pahat	-	-
Johor Bahru	1	0.2
Kluang	4	0.7
Kota Tinggi	5	0.9
Mersing	-	-
Muar	5	0.9
Pontian	-	-
Segamat	19	3.6
Kulai	-	-
Tangkak	5	0.9
Kedah	99	18.5
Baling	4	0.7
Bandar Baharu	2	0.4
Kota Setar	16	3.0
Kuala Muda	38	7.1
Kubang Pasu	10	1.9
Kulim	5	0.9
Langkawi	-	-
Padang Terap	6	1.1
Sik	6	1.1
Yan	-	-
Pendang	3	0.6
Pokok Sena	9	1.7
Kelantan	16	3.0
Bachok	-	-
Kota Bharu	2	0.4
Machang	-	-
Pasir Mas	-	-
Pasir Puteh	-	-
Tanah Merah	2	0.4
Tumpat	-	-
Gua Musang	6	1.1
Kuala Krai	6	1.1
Jeli	-	-
Kecil Lojing	-	-

Jadual 1.3: Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Perhutanan & Pembalakan mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 1.3: Establishment Agricultural Holdings for Forestry & Logging by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd)

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Melaka	1	0.2
Alor Gajah	-	-
Jasin	-	-
Melaka Tengah	1	0.2
Negeri Sembilan	21	3.9
Jelevu	-	-
Kuala Pilah	1	0.2
Port Dickson	1	0.2
Rembau	-	-
Seremban	13	2.4
Tampin	3	0.6
Jempol	3	0.6
Pahang	50	9.4
Bentong	4	0.7
Cameron Highlands	-	-
Jerantut	14	2.6
Kuantan	10	1.9
Lipis	2	0.4
Pekan	1	0.2
Raub	1	0.2
Temerloh	6	1.1
Rompin	7	1.3
Maran	4	0.7
Bera	1	0.2
Pulau Pinang	-	-
Seberang Perai Tengah	-	-
Seberang Perai Utara	-	-
Seberang Perai Selatan	-	-
Timur Laut	-	-
Barat Daya	-	-
Perak	123	23.0
Batang Padang	2	0.4
Manjung	8	1.5
Kinta	34	6.4
Kerian	3	0.6
Kuala Kangsar	15	2.8

**Jadual 1.3: Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Perhutanan & Pembalakan mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023
(samb.)**

Table 1.3: Establishment Agricultural Holdings for Forestry & Logging by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd)

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Larut Dan Matang	55	10.3
Hilir Perak	-	-
Hulu Perak	2	0.4
Perak Tengah	-	-
Kampar	-	-
Muallim	-	-
Bagan Datuk	-	-
Selama	4	0.7
Perlis	5	0.9
Selangor	1	0.2
Gombak	-	-
Klang	-	-
Kuala Langat	-	-
Kuala Selangor	-	-
Petaling	-	-
Sabak Bernam	-	-
Sepang	-	-
Ulu Langat	1	0.2
Ulu Selangor	-	-
Terengganu	22	4.1
Besut	1	0.2
Dungun	5	0.9
Kemaman	1	0.2
Kuala Terengganu	1	0.2
Marang	1	0.2
Hulu Terengganu	9	1.7
Setiu	1	0.2
Kuala Nerus	3	0.6
Sabah	38	7.1
Tawau	12	2.2
Lahad Datu	-	-
Semporna	-	-
Sandakan	9	1.7
Kinabatangan	-	-
Beluran	-	-
Kota Kinabalu	7	1.3
Ranau	-	-
Kota Belud	-	-
Tuaran	-	-
Penampang	1	0.2
Papar	-	-

Jadual 1.3: Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Perhutanan & Pembalakan mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 1.3: Establishment Agricultural Holdings for Forestry & Logging by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd)

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Kudat	1	0.2
Kota Marudu	1	0.2
Pitas	-	-
Beaufort	-	-
Kuala Penyu	-	-
Sipitang	3	0.6
Tenom	-	-
Nabawan	-	-
Keningau	4	0.7
Tambunan	-	-
Kunak	-	-
Tongod	-	-
Putatan	-	-
Telupid	-	-
Kalabakan	-	-
Membakut	-	-
Sarawak	115	21.5
Kuching	1	0.2
Bau	-	-
Lundu	-	-
Samarahan	-	-
Serian	-	-
Simunjan	-	-
Sri Aman	1	0.2
Lubok Antu	-	-
Betong	-	-
Saratok	-	-
Sarikei	3	0.6
Maradong	-	-
Daro	-	-
Julau	-	-
Sibu	53	9.9
Dalat	-	-
Mukah	-	-
Kanowit	-	-
Bintulu	12	2.2
Tatau	-	-
Kapit	28	5.2
Song	-	-
Belaga	-	-
Miri	10	1.9
Marudi	-	-
Limbang	6	1.1
Lawas	-	-

Jadual 1.3: Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Perhutanan & Pembalakan mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 1.3: Establishment Agricultural Holdings for Forestry & Logging by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd)

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Matu	-	-
Asajaya	-	-
Pakan	-	-
Selangau	-	-
Tebedu	-	-
Pusa	-	-
Kabong	-	-
Tanjung Manis	-	-
Sebauh	-	-
Bukit Mabong	-	-
Subis	-	-
Beluru	1	0.2
Telang Usan	-	-
Gedong	-	-
Sebuyau	-	-
Siburan	-	-
Pantu	-	-
Lingga	-	-
W.P. Kuala Lumpur	4	0.7
W.P. Labuan	-	-
W.P. Putrajaya	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri dan daerah pentadbiran merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian
2. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
3. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.
4. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

Notes:

1. States and administrative districts indicate the locations of agricultural holder's living quarters
2. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.
3. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.
4. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.0: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Perhutanan & Pembalakan, Malaysia, 2023

Table 2.0: Individual Agricultural Holdings Profile for Forestry & Logging, Malaysia, 2023

Profil <i>Profile</i>		Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Warganegara <i>Citizenship</i>	Warganegara <i>Malaysian</i>	7,930	100.0
	Bukan Warganegara <i>Non Malaysian</i>	-	-
Jantina <i>Sex</i>	Lelaki <i>Male</i>	7,419	93.6
	Perempuan <i>Female</i>	511	6.4
Kumpulan Umur <i>Age Group</i>	15 – 30 tahun <i>15 – 30 years</i>	2,388	30.1
	31 – 45 tahun <i>31 – 45 years</i>	2,970	37.5
	46 – 59 tahun <i>46 – 59 years</i>	1,707	21.5
	60 tahun dan ke atas <i>60 years and above</i>	865	10.9
Kumpulan Etnik <i>Ethnic Group</i>	Bumiputera	7,891	99.5
	Cina <i>Chinese</i>	23	0.3
	India <i>Indian</i>	3	0.0
	Lain-lain <i>Others</i>	13	0.2
Taraf Perkahwinan <i>Marital Status</i>	Tidak pernah berkahwin <i>Never married</i>	1,832	23.1
	Berkahwin <i>Married</i>	5,450	68.7
	Balu/Duda <i>Widow/Widower</i>	538	6.8
	Berceraai <i>Divorced</i>	84	1.1
	Berpisah <i>Separated</i>	26	0.3

Jadual 2.0: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Perhutanan & Pembalakan, Malaysia, 2023 (samb.)
Table 2.0: Individual Agricultural Holdings Profile for Forestry & Logging , Malaysia, 2023 (cont'd)

Profil <i>Profile</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Sijil Tertinggi Diperoleh <i>Highest Certificate Attained</i>		
Doktor Falsafah (PhD) <i>Doctor of Philosophy (PhD)</i>	3	0.0
Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana <i>Degree/ Advanced Diploma/ Masters</i>	13	0.2
Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf <i>Polytechnic/ University Diploma or equivalent</i>	14	0.2
Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Diploma/ Advanced Diploma in specialized or technical skills (TVET)</i>	6	0.1
Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf <i>Certificate of Polytechnic/ University/ Bodies that give recognition or equivalent</i>	1	0.0
Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Certificate of specialized or technical skills (TVET)</i>	9	0.1
STPM atau yang setaraf <i>Malaysian Higher Certificate of Education (STPM) or equivalent</i>	25	0.3
SPM/ SPM(V) atau yang setaraf <i>Malaysian Certificate of Education (SPM)/ SPM (V) or equivalent</i>	1,391	17.5
Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V) <i>Below the SPM/SPM (V) passing standard</i>	2,214	27.9
Tiada sijil <i>No Certificate</i>	4,254	53.6

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.
3. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

Notes:

1. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refers to the location of logging.
